



28 Jun 2013
28 June 2013
P.U. (A) 199

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH PERKHIDMATAN KEWANGAN (AMAUN
MINIMUM DANA MODAL ATAU LEBIHAN ASET
BERBANDING LIABILITI)(ORANG BERLESEN) 2013

*FINANCIAL SERVICES (MINIMUM AMOUNT OF CAPITAL
FUNDS OR SURPLUS OF ASSETS OVER LIABILITIES)
(LICENSED PERSON) ORDER 2013*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN 2013

PERINTAH PERKHIDMATAN KEWANGAN (AMAUN MINIMUM DANA MODAL ATAU LEBIHAN ASET BERBANDING LIABILITI)(ORANG BERLESEN) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 12(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perkhidmatan Kewangan (Amaun Minimum Dana Modal atau Lebihan Aset berbanding Liabiliti) (Orang Berlesen) 2013**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 30 Jun 2013.

Pemakaian

2. Perintah ini terpakai bagi orang berlesen.

Tafsiran

3. Dalam Perintah ini—

“bank asing yang diperbadankan di Malaysia” ertinya bank berlesen—

(a) yang merupakan subsidiari kepada syarikat asing; atau

(b) yang mana satu atau lebih orang asing memiliki, secara agregat, lebih daripada separuh hak mengundi atau modal syer terbitan dalam bank berlesen itu;

“penanggung insurans semula profesional am berlesen” ertinya seorang penanggung insurans semula yang diperbadankan di Malaysia yang dilesenkan di bawah seksyen 10 Akta untuk menjalankan perniagaan insurans semula am semata-mata;

“penanggung insurans semula professional asing berlesen” ertinya seorang penanggung insurans semula yang diperbadankan di luar Malaysia yang dilesenkan di bawah seksyen 10 Akta untuk menjalankan perniagaan insurans semula semata-mata;

“penanggung insurans semula profesional hayat berlesen” ertinya seorang penanggung insurans semula yang diperbadankan di Malaysia yang dilesenkan di bawah seksyen 10 Akta untuk menjalankan perniagaan insurans semula hayat semata-mata.

Dana modal minimum

4. Amaun minimum dana modal bagi orang berlesen hendaklah mengikut amaun yang ditentukan dalam Jadual.

Lebihan aset berbanding liabiliti minimum

5. Amaun minimum lebihan aset berbanding liabiliti bagi penanggung insurans semula professional asing berlesen adalah sebanyak dua puluh juta ringgit.

JADUAL
[Perenggan 4]

<i>Kategori</i>	<i>Dana modal minimum (RM)</i>
Bank berlesen yang merupakan bank asing yang diperbadankan di Malaysia	300,000,000
Bank berlesen, yang bukan merupakan bank asing yang diperbadankan di Malaysia,— (a) secara bersendirian; atau (b) sebagai agregat dengan dana modal perbadanan berkaitan dengannya yang merupakan bank pelaburan berlesen	2,000,000,000

<i>Kategori</i>	<i>Dana modal minimum (RM)</i>
Bank pelaburan berlesen yang bukan merupakan perbadanan berkaitan dengan mana-mana bank berlesen	500,000,000
Penanggung insurans berlesen	100,000,000
Penanggung insurans semula profesional am berlesen	100,000,000
Penanggung insurans semula profesional hayat berlesen	50,000,000

Dibuat 28 Jun 2013

[KK/BPKA/K2/(S)/382/690/9/1 JLD.4; PN(PU2)718]

DATO' SERI AHMAD HUSNI MOHAMAD HANADZLAH
Menteri Kewangan Kedua

FINANCIAL SERVICES ACT 2013

FINANCIAL SERVICES (MINIMUM AMOUNT OF CAPITAL FUNDS OR SURPLUS OF ASSETS
OVER LIABILITIES) (LICENSED PERSON) ORDER 2013

IN exercise of the powers conferred by subsection 12(1) of the Financial Services Act 2013
[Act 758], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Financial Services (Minimum Amount of Capital Funds or Surplus of Assets over Liabilities) (Licensed Person) Order 2013**.

(2) This Order comes into operation on 30 June 2013.

Application

2. This Order applies to a licensed person.

Interpretation

3. In this Order—

“locally incorporated foreign bank” means a licensed bank—

(a) which is a subsidiary of a foreign company; or

(b) where one or more foreign persons own, in aggregate, more than half of the voting rights in or issued share capital of that licensed bank;

“licensed general professional reinsurer” means a reinsurer incorporated in Malaysia which is licensed under section 10 of the Act to carry on solely general reinsurance business;

“licensed foreign professional reinsurer” means a reinsurer incorporated outside Malaysia which is licensed under section 10 of the Act to carry on solely reinsurance business;

“licensed life professional reinsurer” means a reinsurer incorporated in Malaysia which is licensed under section 10 of the Act to carry on solely life reinsurance business.

Minimum capital funds

4. The minimum amount of capital funds of a licensed person shall be in accordance with the amount specified in the Schedule.

Minimum surplus of assets over liabilities

5. The minimum amount of surplus of assets over liabilities of a licensed foreign professional reinsurer shall be twenty million ringgit.

SCHEDULE [Paragraph 4]

<i>Category</i>	<i>Minimum capital funds (RM)</i>
Licensed bank which is a locally incorporated foreign bank	300,000,000
Licensed bank, which is not a locally incorporated foreign bank,— (a) by itself; or (b) in aggregation with the capital funds of its related corporation that is a licensed investment bank	2,000,000,000
Licensed investment bank which is not a related corporation of any licensed bank	500,000,000

<i>Category</i>	<i>Minimum capital funds (RM)</i>
Licensed insurer	100,000,000
Licensed general professional reinsurer	100,000,000
Licensed life professional reinsurer	50,000,000

Made 28 June 2013

[KK/BPKA/K2/(S)/382/690/9/1 JLD.4; PN(PU2)718]

DATO' SERI AHMAD HUSNI MOHAMAD HANADZLAH
Second Minister of Finance